

Kediaman lebih selesa



Penghuni Rumah Panjang Setapak Jaya ditawarkan rumah rakyat kos rendah

>>Oleh Erywan Norshal

erywan@hmmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Kehidupan 360 keluarga di Rumah Panjang Setapak Jaya, di sini, dijangka berubah apabila mereka ditawarkan kediaman lebih selesa di perumahan rakyat kos rendah di Taman Setapak Jaya Baru yang dijangka siap pada 2010.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Zulhasnan Rafique, berkata projek perumahan itu bertujuan memindahkan penduduk rumah panjang yang sudah sekian lama 'mengidam' untuk mendiami rumah yang lebih sempurna.

Beliau berkata, dua blok pangsapuri akan dibina di tapak berkeluasan 1.42 hektar yang mengandungi 536 unit kediaman dengan keluasan 650 kaki persegi membabitkan tiga bilik tidur dan dua tandas.

"Sejumlah 360 unit akan ditawarkan kepada penghuni rumah panjang terbabit manakala bakiya dijual kepada orang awam berkeluarga yang sudah berdaftar melalui Pendaftaran Sistem Terbuka (PST) yang berharga RM4,000 setiap unit.

"Kediaman yang lebih selesa ini akan mempunyai pelbagai kemudahan awam seperti surau, dewan, padang, taman permainan dan lot kedai," katanya se-

lepas merasmikan majlis Pecah Tanah Projek Penswastaan Pangsapuri Kos Rendah Setapak Jaya Baru, semalam.

Hadir sama, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Ab Hakim Borhan; Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Datuk Salleh Yusup dan Pengarah Eksekutif CRSC Property Sdn Bhd, Datuk Mohamed Salleh Bajuri.

Zulhasnan berkata, projek itu adalah usahasama DBKL dengan Pancaran Nilai (M) Sdn Bhd yang bertanggungjawab melakukan pembangunan perumahan kos rendah di ibu kota dengan memberi keutamaan kepada golongan berpendapatan rendah.

Katanya, kerajaan sangat komited dengan menyediakan lebih banyak kediaman yang mampu dimiliki golongan terbabit sekali gus untuk mencapai sasaran setinggan sifar 2007.

"Selain itu, DBKL sudah memilih 24 lokasi projek perumahan rakyat (PPR) untuk menempatkan 23,970 keluarga dan ia dibina melalui Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL).

"Kita menyediakan sejumlah 38,353 unit rumah di WPKL dan sejumlah 27,100 sudah siapkan manakala 11,348 masih dalam pembinaan," katanya.